



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI

MERANGKAP

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

SELAKU

PENGERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA, MALAYSIA

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN TAJAAN
DAN
TANDATANGAN MEMORANDUM**

15 APRIL 2019 (ISNIN)
Bersamaan 9 SYAABAN 1440H

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

(Salutasi akan disertakan)

Hadirin dan hadirat yang dimuliakan

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ALLAH S.W.T atas izin dan kurniaNya dapatlah kita bersama-sama dalam Majlis Penyampaian Tajaan Dan Tandatangan Memorandum bersama rakan-rakan strategik Yayasan kebajikan Negara (YKN) pada hari ini.
2. Sama-samalah kita mendoakan agar Majlis ini diberkati dan semua usaha kita dalam menyantuni golongan yang memerlukan dipermudahkan.

MAJLIS PENYAMPAIAN TAJAAN DAN TANDATANGAN MEMORANDUM

3. Saya amat mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu daripada syarikat-syarikat korporat, GLC, NGO, Institusi pengajian tinggi dan lain-lain yang sudi datang pada hari ini.

LATAR BELAKANG YKN

Hadirin dan hadirat yang dimuliakan

4. Yayasan Kebajikan Negara merupakan sebuah Badan Pemegang Amanah yang didaftarkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.
YKN ditubuhkan pada tahun 1981 bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf hidup rakyat.
5. Bagi mencapai matlamat tersebut, YKN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program, meliputi bidang kebajikan, kesihatan dan pelajaran.

6. YKN turut menyediakan perkhidmatan seperti:

- i. **5 buah Anjung Singgah** iaitu Pusat Khidmat Sosial bagi menangani masalah isu gelandangan,
- ii. **10 buah Anjung Kasih** iaitu penginapan sementara bagi keluarga yang mengiringi pesakit yang mendapat rawatan di hospital; dan
- iii. **6 buah Pusat Rawatan Dialisis atau YKN Dialisis** yang berkonsepkan mesra keluarga.

7. Sebagai sebuah badan kebajikan, sudah tentunya YKN tidak dapat bergerak bersendirian.

Kita memerlukan kerjasama rakan-rakan strategik untuk membantu melaksanakan inisiatif-inisiatif ini bagi memperkasakan kumpulan sasar melalui pelbagai sudut dengan lebih efektif.

8. Projek-projek pembangunan YKN seperti Anjung Kasih dan Anjung Singgah ini merupakan antara platform terbaik bagi syarikat-syarikat korporat, NGO serta rakan-rakan strategik untuk sama-sama menyumbang kepada kumpulan sasar.

9. Sehingga Januari 2019 sejumlah **62,551 orang** telah mendapat manfaat dari penubuhan Anjung Kasih seluruh negara.

10. Daripada **7,047 gelandangan yang menginap** di Anjung Singgah, sebanyak **73 peratus** telah berjaya dibantu mendapat pekerjaan.

PROGRAM KERJASAMA

Hadirin dan hadirat yang dimulihkan

11. Kehadiran pelbagai syarikat korporat, GLC, Institut Pengajian Tinggi, Agensi Kerajaan, Institusi Kewangan dan NGO pada hari ini membuktikan keprihatinan kita terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka yang kurang berkemampuan.

12. Saya menyeru kepada semua pihak khususnya syarikat korporat, NGO dan lain-lain yang berkemampuan untuk menyumbang kepada YKN bagi melaksanakan program-program khusus untuk golongan yang memerlukan.

13. Sokongan anda semua amatlah diperlukan.

UCAPAN TERIMA KASIH

Hadirin dan hadirat yang dimuliakan

14. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang begitu komited dan prihatin atas tajaan 2 buah Anjung Kasih YKN di Hospital Serdang dan Hospital Melaka beserta juga tajaan alat-alat keperluan Anjung Kasih YKN untuk tahun 2018-2019.

TNB telah menyumbang lebih daripada RM 2.3 juta.

Terima kasih sekali lagi.

15. Selain itu, setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada pihak Petronas yang telah menaja penubuhan Anjung Kasih YKN di Hospital Duchess Of Kent, Sandakan Sabah dengan **jumlah tajaan keseluruhan melebihi RM 1 juta.**

16. Terima kasih juga kepada MAIDAM, Permodalan Darul Takzim, Alliance Islamic Bank, dan Syarikat D'Herbs Sdn Bhd yang turut menyumbang kepada YKN.

Hadirin dan hadirat yang dimuliakan

17. Kita juga dalam perancangan untuk menubuhkan *one stop centre* gabungan komponen sosial seperti Anjung Kasih, Anjung Singgah, **Food bank** dan lain-lain yang bercirikan elemen kebajikan ditapak tanah kebajikan UMS

Projek ini merupakan kesinambungan daripada projek kerjasama YKN Dialisis dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS), .

18. Projek usahasama antara YKN dan UMS ini adalah merupakan projek yang pertama di wujudkan di Malaysia, sesuai dengan keperluan masyarakat Sabah.

19. Selain itu, pihak UNISZA pula akan bekerjasama dengan YKN dalam penubuhan Anjung Kasih di UNISZA dengan peruntukan pembangunan dikongsi bersama antara pihak UNISZA dan YKN.

Hadirin dan hadirat yang dimuliakan

20. Pada hari ini kita turut disertai oleh Medic IG Holding Sdn Bhd, syarikat korporat yang prihatin dan akan bekerjasama dengan YKN.
21. Saya juga amat menghargai sokongan yang diberikan oleh Islamic Relief Malaysia, Buku Jalanan Chow Kit dan KOMITED Malaysia yang sudi bekerjasama dengan YKN.
22. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Urusetia YKN yang bersungguh-sungguh mempelbagaikan perkhidmatan pengurusan yang cekap dan telus dalam menjalinkan hubungan CSR dengan pelbagai pihak. Semoga usaha kita ini akan diteruskan dengan lebih berkesan dan cemerlang di masa hadapan, Inn Shaa Allah.
23. Saya berharap dan yakin pelbagai inisiatif oleh YKN ini akan dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan kerjasama rakan-rakan strategik yang hadir pada hari ini.
24. Akhir kata, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak. Semoga Allah memberikan ganjaran yang sewajarnya kepada kita, Insya Allah.

Sekian, terima kasih.